

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan
berkenaan pelan penggabungan UEM Sunrise Bhd, iaitu anak syarikat
UEM Group yang dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional, dengan
Eco World Development Group Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan untuk menggabungkan UEM Sunrise Berhad (UEM Sunrise) dan EcoWorld Development Group Berhad (EcoWorld) telah diutarakan oleh UEM Group Berhad (UEM Group), sebuah syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad, untuk pertimbangan lembaga pengarah kedua-dua buah syarikat hartanah tersebut.

Cadangan tersebut telah dikemukakan berdasarkan kepada manfaat komersial yang mampu diraih hasil daripada penggabungan tersebut. Cadangan penggabungan tersebut tidak melibatkan tunai tetapi transaksi pertukaran saham dan waran yang mampu mengukuhkan lagi kedudukan UEM Sunrise.

Cadangan penggabungan ini masih di peringkat awal perbincangan dan tertakluk kepada pelaksanaan kajian terperinci (*due diligence*) serta persetujuan semua pemegang saham UEM Sunrise dan EcoWorld, sekiranya kedua-dua syarikat ini bersetuju untuk memulakan perbincangan penggabungan selanjutnya.

Sebarang keputusan yang berkaitan dengan cadangan penggabungan ini adalah bersifat komersial dan menjadi tanggungjawab syarikat-syarikat yang terlibat untuk memastikan penggabungan ini menghasilkan sinergi yang terbaik dengan mengambil kira kepentingan pemegang saham syarikat masing-masing.

Sekian, terima kasih.